

Pasaran diunjur meningkat

BERITA HARIAN 17/9/18 M/S 38

➔ Harga minyak kukuh, prestasi saham AS pacu pasaran minggu depan



Bursa Malaysia dijangka dinikmati peningkatan dalam sentimen pasaran secara keseluruhan, kata peniaga.

“Sukar untuk menentukan pasaran pada minggu depan. Bagi minggu dagangan yang pendek dan baru berakhir, ia hanya didorong oleh sentimen dalam pasaran.

“Bagaimanapun, harga minyak mentah yang lebih kukuh dan prestasi pasaran saham Amerika Syarikat (AS) yang lebih baik, termasuk Nasdaq, akan menjadi faktor untuk meningkatkan pasaran pada minggu depan,” kata Presiden Per-

satuan Penganalisis Teknikal Malaysia, Nik Ihsan Raja Abdullah.

Penanda aras minyak mentah Brent meningkat 0.17 peratus kepada AS\$78.31 setong.

Beliau juga berkata saham teknologi tempatan akan menjadi tumpuan pada minggu ini, mendapat manfaat daripada ketegangan perdagangan dan prestasi Nasdaq yang kukuh.

“Oleh itu, saya percaya indeks komposit akan berada antara 1,790 dan 1,820,” katanya.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, pasaran kebanyakannya positif pada Jumaat, mengambil petunjuk daripada prestasi semalaman ekuiti AS.

Beliau juga berkata indeks harga pengguna AS, yang meningkat 2.7 peratus tahun ke tahun pada Ogos selepas naik 2.9 peratus pada bulan sebelumnya, menjangka kenaikan kadar di AS secara berperingkat.

“Sementara itu, bank pusat Turki yang menaikkan kadar dasarnya kepada 24 peratus, menunjukkan bank pusat itu mempunyai kebebasan untuk menentukan dasar monetari. Mungkin ini adalah faktor yang akan menyokong pasaran,” katanya.

Bagi asas Jumaat kepada Jumaat,



Harga minyak mentah yang lebih kukuh dan prestasi pasaran saham Amerika Syarikat (AS) yang lebih baik, termasuk Nasdaq, akan menjadi faktor untuk meningkatkan pasaran pada minggu depan”

Nik Ihsan Raja Abdullah,
Presiden Persatuan Penganalisis Teknikal Malaysia

petunjuk pasaran FTSE Bursa Malaysia KLCI ditutup tinggi 4.59 mata kepada 1,803.76.

Indeks FBM Emas naik 2.57 mata kepada 12,565.0 dan Indeks FBMT100 menambah 5.42 mata kepada 12,386.98.

FBM 70 susut 92.25 mata kepada

14,844.57, Indeks FBM Emas Syariah merosot 16.73 mata kepada 12,666.80, manakala FBM Ace naik 30.52 mata kepada 5,177.24.

Mengikuti sektor, Indeks Kewangan meningkat 127.33 mata kepada 17,923.44, Indeks Perladangan naik 47.03 mata kepada 7,551.86, manakala Indeks Perusahaan susut 17.19 mata kepada 3,204.36.

Jumlah dagangan minggu merosot kepada 7.29 bilion unit bernilai RM7.87 bilion daripada 11.68 bilion unit bernilai RM10.15 bilion sebelum ini.

Jumlah dagangan Pasaran Utama berkurangan kepada 5.66 bilion saham bernilai RM8.99 bilion daripada 6.81 bilion saham bernilai RM9.05 bilion pada Jumaat lalu.

Jumlah dagangan waran naik kepada 2.98 bilion unit bernilai RM872.93 juta daripada 1.8 bilion unit bernilai RM488.26 juta.

Jumlah dagangan Pasaran ACE susut kepada 1.73 bilion saham bernilai RM238.88 juta daripada 2.03 bilion saham bernilai RM360.64 juta.

Pasaran ditutup pada Isnin dan Selasa berikutan cuti umum.

Ia akan ditutup semula hari ini sempena Hari Malaysia.

BERNAMA